

Headline	18 terkena renjatan sejak 2011		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	28 Sep 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	14	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	174 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,644
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,932



# 18 terkena renjatan sejak 2011

**Sandakan:** Kegiatan penyambungan elektrik secara haram di Sabah, menyebabkan sekurang-kurangnya 18 mangsa maut terkena renjatan dalam tempoh lima tahun sejak 2011.

Ia membabitkan dua kes pada 2011, 2012 dan 2014; empat kematian pada 2013 dan 2015, manakala setakat Ogos tahun ini, sudah lima mangsa maut akibat perbuatan itu.

Angka kematian berkenaan termasuk seorang anggota bomba, Apolos Jeremos, 25, yang terkena

renjatan ketika memadam kebakaran belukar di Taman Kenari, Batu 7 di sini, tahun lalu.

## Cedera terpijak kabel

Dalam kejadian terbaru, pegawai bomba, Rudy Mekii, cedera selepas terpijak kabel elektrik ketika memadam kebakaran rumah setinggian di Kampung Linsuk Baru dekat Putatan pada 5 Julai lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Zuraidah Latip, ber-

kata tiada prosedur operasi standard (SOP) tetap diwujudkan kepada anggota bomba berkaitan kes kebakaran yang berpunca daripada penyambungan elektrik secara haram.

Bagaimanapun, beliau berkata, susulan kejadian yang menimpa anggotanya, pendekatan baharu sudah diambil JBPM dengan tidak membenarkan pasukan penyelamat memasuki kawasan berisiko, kecuali dipastikan tiada bahaya yang boleh mengundang kematian atau kecederaan.



**Anggota bomba membawa keluar mayat mangsa dipercayai terkena renjatan elektrik dari sungai di Kampung Mangkalinau,**